

Teks Ucapan Aluan Naib Canselor

PROGRAM JOM OUTDOOR UMS BERSAMA NAIB CANSELOR

4 APRIL 2009, 8.00 Pagi

Perkarangan Tasik Perpustakaan UMS
Anjuran Perpustakaan UMS

Assalammualakum w.b.t dan Salam Sejahtera.

Yang Berusaha Pn Dayang Rukiah Ag Amit,
Pemangku Ketua Pustakawan, Merangkap Pengurus Program Jom Outdoor UMS pada kali ini,

Yang Berusaha Timbalan-Timbalan Naib Canselor UMS serta Pegawai-pegawai Utama Universiti,

Yang Dihormati Para Dekan, Pengarah, Timbalan-Timbalan Dekan dan juga Ketua-Ketua JSPIU.

Seterusnya Semua Kakitangan Universiti yang saya kasihi sekalian.

Bersyukur kita kehadrat Ilahi kerana dengan keizinanNya, maka kita dapat berkumpul sekali lagi pada pagi yang mulia ini, dalam program Jom Outdoor Universiti pada kali yang ketiga.

Tahniah dan syabas saya ucapan kepada Jabatan Perpustakaan kerana telah berjaya menganjurkan program Jom Outdoor UMS pada kali ini. Sudah tentu kejayaan ini memerlukan satu komitmen yang tinggi dan kerjasama yang padu dikalangan kakitangan perpustakaan bagi memastikan program ini dapat dijalankan dengan lancar seperti yang dirancang.

Saya juga merasa amat sukacita dengan semangat serta kesungguhan yang ditunjukkan oleh tuan-tuan dan puan-puan para peserta sekalian untuk sama-sama hadir dan seterusnya menyertai program ini. Semoga ianya akan berterusan di masa-masa yang akan datang.

Minda yang cerdas sering kali dikaitkan dengan badan yang sihat. Oleh yang demikian senaman amatlah perlu bagi kesihatan tubuh badan dan membentuk minda yang cerdas. Saya berharap budaya bersenam ini dapat dipupuk dikalangan warga universiti supaya ia dapat membentuk warga universiti yang sihat dan membantu dalam meningkatkan mutu kerja yang terbaik dikalangan kakitangan universiti.

Saya juga berharap agar program ini dapat diteruskan lagi pada bulan-bulan yang akan datang dalam usaha untuk memupuk budaya hidup sihat di kalangan warga universiti.

Maka dengan lafaz Bismillahirrahmahirahim saya dengan rasa sukacitanya merasmikan Program Jom Outdoor UMS buat kali yang ketiga ini.

Bah, Bersenam Kita.

Wabillah hitaufik walhidayah wassalammualaikum w.b.t.

Sekian dan terima kasih

Kol Prof Datuk Dr Kamaruzaman Hj Ampon